



# Bernama - Intipati Belanjawan 2021

PETIKAN AKHBAR | 06 NOVEMBER 2020



**KUALA LUMPUR, 6 Nov** - Berikut ialah intipati ekonomi Belanjawan 2021 bertemakan “Teguh Kita, Menang Bersama” yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz di Parlimen hari ini.

- Belanjawan 2021 dirangka berdasarkan Tiga Matlamat Induk iaitu Kesejahteraan Rakyat, Kelangsungan Ekonomi dan Ketahanan Ekonomi
- Kerajaan bercadang menaikkan siling Kumpulan Wang COVID-19 sebanyak RM20 bilion kepada RM65 bilion untuk membiayai pakej bantuan tambahan KITA PRIHATIN
- Sejumlah RM1 bilion akan diperuntukkan lagi tahun hadapan untuk membendung gelombang ketiga COVID-19
- Had pelepasan cukai ke atas perbelanjaan rawatan perubatan diri, pasangan dan anak bagi penyakit serius dinaikkan kepada RM8,000 daripada RM6,000
- Bantuan RM1,200 diberi kepada isi rumah berpendapatan bulanan kurang RM2,500 dan mempunyai sehingga seorang anak
- Cukai pendapatan individu diturunkan sebanyak satu mata peratus bagi banjaran pendapatan bercukai RM50,001 hingga RM70,000
- Kadar caruman minimum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pekerja dikurangkan daripada 11 peratus kepada sembilan peratus mulai Januari 2021
- Kerajaan mengumumkan kemudahan pengeluaran Akaun 1 KWSP secara bersasar sebanyak RM500 sebulan dengan jumlah sehingga RM6,000 untuk 12 bulan
- Keseluruhan bayaran bagi pengeluaran Akaun 1 akan melibatkan RM4 bilion



- Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM3,000 ke atas caruman Skim Persaraan Swasta dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2025
- Kerajaan menyediakan sejumlah RM4.6 billion bagi memperkasa Bumiputera
- Peruntukan RM510 juta bagi tujuan pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan PKS mikro Bumiputera melalui TEKUN Nasional dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
- Kerajaan menyediakan RM800 juta menerusi program peningkatan keupayaan Bank Pembangunan Malaysia dan SME Bank
- Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM95 juta pembiayaan mikro kredit khas untuk memperkasa usahawan wanita.
- Program bimbingan kepada lebih 2,000 usahawan wanita akan disalurkan melalui Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizMe).
- Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM500 juta pada 2021 untuk melaksanakan inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA).
- Pengecualian duti setem sepenuhnya ke atas surat pindah milik dan perjanjian rumah bagi pinjaman pembelian kediaman rumah pertama bernilai sehingga RM500,000.
- Pengecualian duti setem sepenuhnya ke atas surat pindah milik diberikan kepada kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai dilanjutkan selama lima tahun lagi.
- RM1 bilion disediakan sebagai pakej galakan pelaburan berteknologi dan nilai tambah tinggi.
- Dana teknologi tinggi bernilai RM500 juta akan disediakan oleh Bank Negara Malaysia bagi menyokong syarikat sektor teknologi tinggi dan berinovasi.
- Melonggarkan syarat galakan cukai bagi hab Prinsipal dan melanjutkannya sehingga 31 Disember 2022.
- Pengeunaan kadar cukai bagi penubuhan 'global trading centre' (pusat perdagangan global) pada kadar konsesi 10 peratus bagi tempoh lima tahun.
- Menaikkan had nilai jualan bagi aktiviti tambah nilai dan aktiviti tambahan yang dijalankan di Zon Perindustrian Bebas dan gudang pengilangan berlesen daripada 10 peratus kepada 40 peratus daripada nilai jualan.
- Kadar cukai istimewa kepada syarikat pengilang terpilih untuk memindahkan perniagaan ke Malaysia dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022.
- Skim Pembangunan Nasional bernilai RM1.4 bilion oleh Bank Pembangunan Malaysia diperkenalkan bagi menyokong pelaksanaan pembangunan rangkaian bekalan domestik.
- Skim pembangunan maritim, logistik, skim pembiayaan pembangunan mampan, skim infrastruktur pelancongan dan dana pengangkutan awam akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2023 dengan dana sebanyak RM3.3 bilion.
- Kemudahan bantuan pemulihan bersasar bernilai RM2 bilion di bawah Bank Negara Malaysia akan diperkenalkan melalui pinjaman daripada institusi perbankan.
- RM100 juta daripada langganan sukuk PRIHATIN untuk menjalankan penyelidikan penyakit berjangkit merangkumi pembangunan vaksin serta kajian rawatan dan diagnostik.
- RM20 juta telah diperuntukkan untuk meneruskan program pemilikan sijil minyak sawit mampan bagi merencanakan pertumbuhan dan meningkatkan daya saing industri sawit.
- Geran padanan sebanyak RM30 juta untuk menggalakkan pelaburan dalam mekanisasi dan automasi.
- Kerajaan akan meningkatkan jaminan sehingga RM10 bilion di bawah syarikat jaminan pembiayaan perniagaan dengan peruntukan RM2 bilion khusus untuk usahawan Bumiputera.
- RM3 bilion dikhususkan untuk syarikat berkemahiran tinggi seperti minyak dan gas serta aeroangkasa.
- Belanjawan 2021 dijangka kepada keutamaan dasar Rancangan Malaysia Ke-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.
- Jumlah perbelanjaan keseluruhan 2020 dianggarkan sebanyak RM314.7 bilion, meningkat RM17.7 bilion berbanding unjuran asal.
- Defisit fiskal bagi 2020 dianggarkan meningkat kepada 6.0 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar berbanding sasaran asal 3.2 peratus.
- Kutipan hasil kerajaan bagi 2021 dijangka meningkat kepada RM236.9 bilion.
- Belanjawan 2021 merupakan belanjawan yang bersifat mengembang.



English



pembangunan dan RM17 bilion bagi simpanan luar jangka.

- RM50 juta diberikan sebagai akses pembiayaan kepada kontraktor pembinaan di bawah skim pembiayaan kontrak ekspres.
- RM15 bilion disediakan bagi membiayai antaranya Lebuhraya Pan Borneo, Landasan berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru dan Landasan Berkembar Lembah Klang (Fasa Pertama).
- Projek lain akan diteruskan seperti Sistem Transit Rapid dari Johor Bharu ke Woodlands, Singapura dan Laluan 3 Transit Aliran Massa (MRT3) di Lembah Klang.
- Kerajaan akan meneruskan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) yang dijangka dapat menjana kesan pengganda kepada ekonomi negara.
- Kerajaan akan menerbitkan Bon Kelestarian pertama negara bagi tujuan alam sekitar dan sosial pada 2021.
- Pengecualian cukai pendapatan sedia ada bagi geran Sukuk Hijau Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab diperluas kepada semua jenis sukuk dan bon.
- Pengecualian cukai itu dilanjutkan sehingga 2025.
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau 3.0 diteruskan dengan saiz dana RM2 bilion selama dua tahun sehingga 2022.

-- BERNAMA

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

## POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)[HARGA MINYAK](#)[PRICE OF PETROLEUM](#)[TENGKU ZAFRUL](#)[BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)[KWSP](#)[I-SINAR](#)[SINAR HARIAN](#)[JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)[PRIHATIN MOF](#)[PERMAI](#)[BERITA HARIAN](#)